



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BPK 600-22/10/6 Jld. 4 (2)

Tarikh : 3 November 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI
PENYEDIAAN ITEM DAN SPESIFIKASI DALAM MODUL PEMBELIAN TERUS
(PELAWAAN TAWARAN HARGA), SEBUT HARGA/TENDER, PENGURUSAN
KONTRAK DAN PEMENUHAN**

Dengan segala hormatnya saya mohon perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MoF) telah menyediakan Garis Panduan Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) Bagi Penyediaan Item Dan Spesifikasi Dalam Modul Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga), Sebut Harga/Tender, Pengurusan Kontrak Dan Pemenuhan seperti yang dilampirkan. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) semasa mengunci masuk item dan spesifikasi perolehan dalam Sistem eP.

3. Justeru, kerjasama pihak Kementerian adalah dimohon untuk memanjangkan salinan surat ini kepada semua PTJ di bawah seliaan Kementerian masing-masing. Salinan garis panduan ini juga boleh dimuat turun melalui Portal ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my/download-guideline/procedure>). Perhatian dan kerjasama pihak Kementerian berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
2. **YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

EDARAN DALAMAN (MOF)

1. **YBhg. Datuk Ramzi bin Mansor**
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
2. **YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin**
Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3. **YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
4. **YM Dato' Raja Muhammad Azhan Shah bin Raja Muhammad**
Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
5. **YBrs. Sr. Abdul Razak bin Yusak**
Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
6. **YBrs. Tuan Leonard Wilfred Yussin**
Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
7. **YBrs. Tuan Norali @ Ag Norali bin Ag Damit**
Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia Sabah

EDARAN LUAR

1. **Encik Abdul Halim bin Mohamad**
Ketua Pegawai Operasi
Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Tingkat 2, Bangunan Amtek
No. 15, Jalan Tandang
Petaling Jaya
SELANGOR

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI
PENYEDIAAN ITEM DAN SPESIFIKASI DALAM MODUL PEMBELIAN TERUS
(PELAWAAN TAWARAN HARGA), SEBUT HARGA/TENDER, PENGURUSAN
KONTRAK DAN PEMENUHAN**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) semasa mengunci masuk item dan spesifikasi perolehan dalam Sistem ePerolehan (eP) di Modul Pembelian Terus dan Modul Sebut Harga/Tender bagi memastikan kelancaran proses di Modul Pengurusan Kontrak dan Modul Pemenuhan.
- 1.2. Maklumat item dan spesifikasi yang dikunci masuk dalam Sistem eP akan menentukan jumlah harga indikatif jabatan (Sebut Harga/Tender sahaja) dan tawaran harga pembekal berdasarkan jenis pemenuhan dan tempoh kontrak yang ditentukan oleh Kementerian/PTJ. Kesilapan mengunci masuk maklumat item, jenis pemenuhan dan tempoh kontrak akan memberi kesan kepada pengurusan kontrak (jika berkaitan) dan pemenuhan yang boleh menyebabkan Pesanan Kerajaan tidak dapat dikeluarkan.

2. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/PTJ

2.1. Jenis Pemenuhan

- 2.1.1. Kementerian/PTJ hendaklah menentukan jenis pemenuhan di peringkat perolehan sama ada:
 - (i) **One-off**
Pesanan dan pembayaran bagi bekalan/perkhidmatan yang dibuat sekali sahaja dalam sesuatu tempoh kontrak. Pembayaran dibuat setelah obligasi kontrak selesai tanpa mengambil kira tempoh kontrak;
 - (ii) **Bermasa (Berjadual)**
Pesanan dan pembayaran lebih daripada sekali yang ditentukan/dianggarkan mengikut bulan/jadual bayaran bagi keperluan bekalan/perkhidmatan sepanjang tempoh kontrak. Pengiraan jumlah Harga Indikatif Item/Tawaran Harga Pembekal adalah berdasarkan tempoh kontrak (bulan) yang dikunci masuk oleh Kementerian/PTJ; atau

(iii) **Bermasa (Bila Perlu)**

Pesanan dan pembayaran lebih daripada sekali bagi bekalan/perkhidmatan akan dibuat mengikut keperluan (as and when required) atau secara berkala (contoh: 3 bulan sekali) dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kontrak.

2.1.2. Kementerian/PTJ perlu menentukan jenis pemenuhan di peringkat Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga)/Sebut Harga/Tender bagi pengeluaran Permintaan Pembelian (Purchase Request – PR)/Permintaan Kontrak (Contract Request – CR) dengan mengambil kira peraturan vot dan item di Modul Pemenuhan seperti berikut:

(i) **Peraturan Vot**

- (a) Vot B & T bagi baris caj (charge line) berbeza boleh digabungkan di bawah satu PR/CR yang sama.
- (b) Vot S & Dana bagi baris caj berbeza boleh digabungkan di bawah satu PR/CR yang sama.
- (c) Vot P tidak boleh digabungkan dengan mana-mana Vot & Dana di bawah satu PR/CR yang sama.
- (d) (a) & (b) di atas tidak boleh digabungkan bagi baris caj berbeza di bawah satu PR/CR yang sama.

(ii) **Peraturan Item**

- (a) Item yang sama tidak boleh berulang dalam satu (1) pesanan (PR/CR), sama ada mengguna pakai vot yang sama atau berlainan selaras dengan perenggan 2.1.2.(i) Peraturan Vot seperti di atas.
 - (b) Bilangan maksimum item dalam satu (1) pesanan (PR/CR) adalah sebanyak 450 item sahaja selaras dengan ketetapan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- (iii) Kementerian/PTJ hendaklah merujuk contoh di **Jadual 1** dengan mengambil kira peraturan vot dan peraturan item di perenggan 2.1.2.(i) dan 2.1.2.(ii) Garis Panduan ini.

Jadual 1: Peraturan Vot, Item dan Jenis Pemenuhan

Bil.	Bilangan Item Dalam Satu Perolehan	Penggunaan Vot	Jenis Pemenuhan	Catatan
1.	Satu item	1 vot	<i>One-off/</i> Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual)	<i>One-off</i> Hanya satu PR/CR boleh dikeluarkan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual) Satu CR atau lebih daripada satu CR boleh dikeluarkan (mengikut keperluan) sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa.
2.	Satu item	Lebih daripada 1 vot	Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual)	Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual) Lebih daripada satu CR hendaklah dikeluarkan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa dengan vot yang sama/ berbeza. Contoh: CR1: Item 1 (Vot B) CR2: Item 1 (Vot T) CR3: Item 1 (Vot B)
3.	Lebih daripada satu item	1 vot	<i>One-off/</i> Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual)	<i>One-off</i> Hanya satu PR/CR boleh dikeluarkan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Kementerian/PTJ hendaklah memilih Jenis Pemenuhan selain <i>One-off</i> bagi perolehan yang melibatkan lebih daripada 450 item. Contoh: CR: Item 1 (Vot B) Item 2 (Vot B)

Bil.	Bilangan Item Dalam Satu Perolehan	Penggunaan Vot	Jenis Pemenuhan	Catatan
				Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual) Satu CR atau lebih daripada satu CR boleh dikeluarkan (mengikut keperluan) sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa.
4.	Lebih daripada satu item	Lebih daripada 1 vot	<i>One-off</i>	<i>One-off</i> Hanya satu PR/CR boleh dikeluarkan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Kementerian/PTJ hendaklah memilih Jenis Pemenuhan selain <i>One-off</i> bagi perolehan yang melibatkan lebih daripada 450 item. Contoh: CR: Item 1 (Vot B) Item 2 (Vot B) Item 3 (Vot T)
5.	Lebih daripada satu item	Lebih daripada 1 vot	Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual)	Bermasa (Bila Perlu)/ Bermasa (Berjadual) Lebih daripada satu CR boleh dikeluarkan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Contoh: CR1: Item 1 (Vot B) Item 2 (Vot T) CR2: Item 1 (Vot P) Item 3 (Vot P)

- (iv) Kementerian/PTJ hendaklah memilih Jenis Pemenuhan selain *One-off* semasa proses penciptaan Sebut Harga/Tender dalam keadaan berikut:

- (a) Sekiranya terdapat peruntukan dengan vot yang berbeza (contoh: Vot B dan Vot P) dalam satu (1) perolehan yang sama dan vot-vot tersebut tidak boleh digabungkan dalam satu (1) pesanan selaras dengan peraturan vot di perenggan 2.1.2.(i); atau
- (b) Bilangan item melebihi 450 item dalam satu (1) perolehan kerana dalam satu (1) pesanan hanya dibenarkan maksimum 450 item sahaja.

2.2. Panduan Penyediaan Item Dan Spesifikasi

2.2.1. Item dan spesifikasi hendaklah disediakan oleh Kementerian/PTJ semasa melaksanakan perolehan melalui modul berikut:

(i) **Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga)**

Merujuk kepada Jadual Senarai Produk (perolehan bekalan) dan/atau Jadual Senarai Perkhidmatan (perolehan perkhidmatan).

(ii) **Sebut Harga/Tender**

Merujuk kepada Templat Item dan Spesifikasi sama ada bagi produk (perolehan bekalan) atau perkhidmatan di Senarai Semak Teknikal dan Senarai Semak Kewangan.

2.2.2. Kementerian/PTJ hendaklah memastikan penyediaan item dan spesifikasi mengambil kira keperluan untuk pengeluaran PR/CR di Modul Pemenuhan dalam menetapkan perkara-perkara berikut:

(i) **Nama Item**

Merujuk kepada nama item yang hendak diperoleh dalam sesuatu perolehan sama ada bekalan atau perkhidmatan.

(ii) **Unit Ukuran**

Merujuk kepada asas ukuran bagi menentukan harga seunit untuk ditawarkan oleh pembekal dan diguna pakai semasa pesanan dan arahan pembayaran (Modul Pemenuhan) kelak.

(iii) **Jenis Harga (Bekalan Sahaja)**

Merujuk kepada harga seunit untuk ditawarkan oleh pembekal berdasarkan jenis harga dan diguna pakai semasa pesanan iaitu:

(a) **Biasa Standard**

Hanya satu tawaran harga seunit yang akan ditawarkan oleh pembekal.

(b) **Berperingkat Standard**

Lebih daripada satu tawaran harga seunit yang akan ditawarkan oleh pembekal berdasarkan kebarangkalian julat pesanan yang ditetapkan oleh Kementerian/PTJ.

(iv) **Kekerapan/Unit Ukuran (Perkhidmatan Sahaja)**

Merujuk kepada kekerapan yang berlaku dalam sesuatu unit ukuran yang telah ditetapkan.

Contoh	:	Kawalan Keselamatan
Unit Ukuran	:	Hours (jam)
Kekerapan/Unit Ukuran	:	Berapa kali kekerapan perkhidmatan berlaku untuk setiap jam. "setiap jam akan berulang sebanyak 5 kali kerana keperluan bilangan pengawal keselamatan seramai 5 orang bagi setiap jam"

Contoh dan perincian adalah seperti di **Lampiran A** Garis panduan ini di bawah tajuk [Perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan](#).

(v) **Bilangan Unit Ukuran Sehari (Perkhidmatan Sahaja)**

Hanya terpakai bagi 'Unit Ukuran: Hours'

Contoh dan perincian adalah seperti di **Lampiran A** Garis Panduan ini di bawah tajuk [Perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan](#).

(vi) **Bilangan Unit Ukuran Sebulan (Perkhidmatan Sahaja)**

Hanya terpakai bagi 'Jenis Pemenuhan: Bermasa' dan 'Unit Ukuran: Hours, Person, Month dan Days' sahaja.

Contoh dan perincian adalah seperti di **Lampiran A** Garis Panduan ini di bawah tajuk [Perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan](#).

(vii) **Kuantiti**

Merujuk kepada bilangan/kuantiti yang diperlukan berdasarkan Unit Ukuran pada satu-satu masa/tempoh perkhidmatan sepanjang tempoh kontrak.

(viii) **Spesifikasi (kriteria) Item – Jenis Maklum Balas**

Setiap item perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu spesifikasi (kriteria) yang perlu dikunci masuk dan ditetapkan 'Jenis Maklum Balas' oleh Kementerian/PTJ. 'Jenis Maklum Balas' merujuk kepada bentuk jawapan semasa pembekal mengunci masuk tawaran spesifikasi untuk sesuatu item. 'Jenis Maklum Balas' yang boleh ditetapkan oleh Kementerian/PTJ adalah seperti berikut:

- (a) Ya/Tidak;
- (b) Nombor; atau
- (c) Teks.

2.2.3. **Lampiran A** Garis panduan ini menyenaraikan contoh senario sebagai panduan kepada Kementerian/PTJ untuk mengunci masuk maklumat item dan spesifikasi mengikut jenis item/templat serta Jenis Pemenuhan bagi sesuatu kategori perolehan item:

- (i) [Bekalan Kertas](#)
- (ii) [Perkhidmatan Kawalan Keselamatan](#)
- (iii) [Perkhidmatan Sewaan Mesin Pnyalin dan Bacaan Meter](#)
- (iv) [Perkhidmatan Pembersihan dan Kawalan Serangga](#)
- (v) [Perkhidmatan Penyajian/Katering](#)
- (vi) [Perkhidmatan Dobi](#)
- (vii) [Perkhidmatan Sewaan Komputer](#)

Contoh-contoh dan harga yang disediakan hanyalah sebagai panduan sahaja dan Kementerian/PTJ bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian pasaran dalam menentukan nilai sebenar perolehan. Kementerian/PTJ adalah tidak terikat kepada contoh-contoh tersebut. Pelaksanaan perolehan adalah berdasarkan keperluan perolehan di Kementerian/PTJ masing-masing.

- 2.2.4. Setelah Surat Setuju Terima (SST) bagi perolehan melalui Pembelian Terus (Bermasa)/Sebut Harga/Tender disetujui terima oleh pembekal dan disahkan oleh Kementerian/PTJ, maklumat item dan spesifikasi akan dipaparkan pada menu sisi 'Item' di Modul Pengurusan Kontrak. Bagi penyediaan pesanan (PR/CR), Kementerian/PTJ hendaklah memastikan maklumat kuantiti pesanan yang dikunci masuk menepati keperluan semasa berpandukan contoh pengiraan yang disertakan seperti di **Lampiran A** Garis Panduan ini.

3. PENUTUP

- 3.1. Kementerian/PTJ hendaklah memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan Sistem eP digunakan sepenuhnya selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 168A dan Pekeliling Perolehan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 5.1 Perolehan Menggunakan Sistem ePerolehan.
- 3.2. Sekiranya Kementerian/PTJ menghadapi sebarang masalah untuk meneruskan transaksi melalui Sistem eP, Kementerian/PTJ boleh merujuk Pegawai Penyelaras Kementerian CDCSB (<https://www.eperolehan.gov.my/ministry-coordinator-officer>) atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CDCSB (<https://www.eperolehan.gov.my/contact-centre>). Pertanyaan juga boleh dikemukakan melalui menu eAduan dalam Sistem eP.
- 3.3. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Bagi Pembelian Terus, Sebut Harga Dan Tender bertarikh 16 Mac 2018.

**Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
3 November 2025**

LAMPIRAN A

(i) Perolehan Bekalan Kertas**Senario 1: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Teknikal)**

Jenis Item/Templat: Produk

Jenis Pemenuhan: *One-Off*/Bermasa (Bila Perlu)/Bermasa (Berjadual) (Pembelian Terus ditetapkan kepada *One-Off* secara automatik)

Tempoh Kontrak/Penyiapan (Bulan): 24 (Sebut Harga/Tender sahaja)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Jenis Harga	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Kertas A4 Biru	Rim	Biasa Standard	1,000	
80gsm, warna biru, 500 helai/rim				Ya/Tidak
Kertas A4 Krim	Rim	Biasa Standard	1,000	
Berat Sehelai Kertas - 80gsm				Nombor
Warna Kertas - Krim				Ya/Tidak
Kuantiti Kertas/Rim - 500 helai/rim				Teks

Senario 1: Modul Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Kewangan)**Formula Pengiraan:**

Jumlah Harga Indikatif Item (RM) = Kuantiti x Harga Indikatif Seunit (RM)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Jenis Harga	Kuantiti	Harga Indikatif Seunit (RM)	Jumlah Harga Indikatif Item (RM)	Jumlah Harga (RM)
Kertas A4 Biru	Rim	Biasa Standard	1,000	15.00	15,000.00	
Kertas A4 Krim	Rim	Biasa Standard	1,000	15.00	15,000.00	
Jumlah Besar (RM): 30,000.00						

Senario 1: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Tawaran Harga (Pembekal)**Formula Pengiraan:****Jumlah Harga Tawaran Item = Kuantiti x Harga Tawaran Seunit (RM)**

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Jenis Harga	Kuantiti	Harga Tawaran Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Kertas A4 Biru	Rim	Biasa Standard	1,000	14.00	14,000.00
Kertas A4 Krim	Rim	Biasa Standard	1,000	14.00	14,000.00
Jumlah Besar (RM)					28,000.00

Senario 1: Modul Pengurusan Kontrak

Perihal Item	Unit Ukuran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)
Kertas A4 Biru	Rim	1,000	14.00
Kertas A4 Krim	Rim	1,000	14.00

Nota:

‘Kuantiti’ yang dipaparkan di Modul Pengurusan Kontrak adalah jumlah kuantiti yang dikunci masuk oleh Kementerian/PTJ dalam Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender. Manakala ‘Harga Seunit’ adalah ‘Harga Tawaran Seunit’ yang dikunci masuk oleh pembekal.

Senario 1: Modul Pemenuhan**A. Jenis Pemenuhan: Bermasa (Bila Perlu)/Bermasa (Berjadual)****Formula Pengiraan:****Amaun Pesanan = Harga Seunit x Kuantiti Pesanan**

Perihal Item	Unit Ukuran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Amaun Pesanan (RM)
Kertas A4 Biru	Rim	14.00	100	14.00 x 100 = 1,400.00
Kertas A4 Krim	Rim	14.00	100	14.00 x 100 = 1,400.00
Amaun Keseluruhan (RM)				2,800.00

Nota:

1. 'Harga Seunit (RM)' yang dipaparkan adalah harga seunit item bagi kontrak berkaitan.
2. Permintaan Kontrak hendaklah dikeluarkan dengan 'Kuantiti Pesanan' berdasarkan keperluan pada satu-satu masa.

B. Jenis Pemenuhan: One-off**Formula Pengiraan:****Amaun Pesanan = Harga Seunit x Kuantiti Pesanan**

Perihal Item	Unit Ukuran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Amaun Pesanan (RM)
Kertas A4 Biru	Rim	14.00	1,000	14.00 x 1,000= 14,000.00
Kertas A4 Krim	Rim	14.00	1,000	14.00 x 1,000= 14,000.00
Amaun Keseluruhan (RM)				28,000.00

Nota:

1. 'Harga Seunit (RM)' yang dipaparkan adalah harga seunit item bagi kontrak berkaitan.
2. Permintaan Kontrak hendaklah dikeluarkan dengan 'Kuantiti Pesanan' berdasarkan kuantiti keseluruhan setiap item dalam kontrak.

(ii) Perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan**Senario 1: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Teknikal)**

Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata - Pengawal

(senario 24 jam/hari, 7 hari/minggu, 365 hari/tahun, 3 syif - 8 jam/syif, 2 pengawal setiap masa/jam)

Jenis Item/Templat: Perkhidmatan

Jenis Pemenuhan: Bermasa (Berjadual)

Tempoh Kontrak/Penyiapan (Bulan): 24 / Tempoh (Bulan) - Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga): 24

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	2 Nota: 2 pengawal pada setiap jam, sepanjang 8 jam/syif	3 Nota: 3 perkhidmatan (berlaku 3 kali pada satu hari - kerana satu hari ada 3 syif, 8 jam/syif)	30.5 Nota: 24 jam sehari, 365 hari setahun, secara purata 365/12 bulan akan dapat 30.5 hari sebulan	8 Nota: Kuantiti jam yang diperlukan bagi satu-satu syif dalam satu hari (24 jam/3 syif)	
Syif 1: 7 pagi – 3 petang, 2 pengawal Syif 2: 3 petang – 11 malam, 2 pengawal Syif 3: 11 malam – 7 pagi, 2 pengawal						Ya/Tidak

Nota:

- Unit Ukuran:** Unit Ukuran yang bersesuaian bagi perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan adalah Unit Ukuran 'Hours'
- Kekerapan/Unit Ukuran:** Bilangan pengawal yang diperlukan pada setiap jam/syif atau bilangan pengawal pada satu hari
- Bilangan Unit Ukuran Sehari:** Bilangan perkhidmatan yang diperlukan dalam tempoh 24 jam (bilangan syif)
- Bilangan Unit Ukuran Sebulan:** Bilangan hari perkhidmatan dalam sebulan atau purata bilangan hari dalam sebulan bagi satu tempoh kontrak dalam bulan
- Kuantiti:** Tempoh jam perkhidmatan (bilangan jam bagi satu-satu syif)

Senario 1: Modul Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Kewangan)**Formula Pengiraan:**

Jumlah Harga Indikatif Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Indikatif Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Indikatif Seunit (RM)	Jumlah Harga Indikatif Item (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	2	3	30.5	8	8.00	$2 \times 3 \times 30.5 \times 8 \times 8.00 \times 24$ = 281,088.00
Jumlah Besar (RM)							281,088.00

Senario 1: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Tawaran Harga (Pembekal)**Formula Pengiraan:****Pembelian Terus:**

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh (Bulan)

Sebut Harga/Tender:

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Tawaran Seunit (RM)	Jumlah Harga Tawaran (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	2	3	30.5	8	7.00	$2 \times 3 \times 30.5 \times 8 \times 7.00 \times 24$ = 245,952.00
Jumlah Besar (RM)							245,952.00

Senario 1: Modul Pengurusan Kontrak

Perihal Item	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	2 Nota: Berlaku 2 kali pada satu-satu masa - 2 pengawal pada setiap jam, sepanjang 8 jam/syif	3 Nota: 3 perkhidmatan (berlaku 3 kali pada satu hari - kerana satu hari ada 3 syif, 8 jam/syif)	30.5 Nota: 24 jam sehari, 365 hari setahun, secara purata 365/12 bulan akan dapat 30.5 hari sebulan	8 Nota: Kuantiti jam yang diperlukan bagi satu- satu syif dalam satu hari (24 jam/3 syif)	7.00 Nota: RM7.00/sejam bagi seorang pengawal

Senario 1: Modul Pemenuhan**Formula Pengiraan:**

Kuantiti Pesanan = Kekerapan per Unit Ukuran x Bilangan Unit Ukuran Sehari x Bilangan Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan) x Kuantiti

Amaun Pesanan = Harga Seunit x Kuantiti Pesanan

Contoh pengiraan jumlah jam dan amaun bayaran untuk sebulan:

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Amaun Pesanan (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	7.00	2 x 3 x 31 (Contoh 31 hari bagi bulan Januari) x 8 = 1,488 jam perkhidmatan sebulan Nota: Bil. Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan).	7.00 x 1,488 = 10,416.00
Amaun Keseluruhan (RM)				10,416.00

Senario 2: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Teknikal)

Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata 3 Syif dengan bilangan pengawal berbeza mengikut syif
(senario 24 jam/sehari, 7 hari/seminggu, 365 hari/tahun, 3 syif - 8 jam/syif, 2 pengawal syif pagi dan petang, 3 pengawal syif malam)

Jenis Item/Templat: Perkhidmatan

Jenis Pemenuhan: Bermasa (Berjadual)

Tempoh Kontrak/Penyiapan (Bulan): 24 / Tempoh (Bulan) - Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga) : 24

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 1	Hours	2 Nota: 2 pengawal syif 1	1 Nota: 1 perkhidmatan (1 syif)	30.5 Nota: 24 jam sehari, 365 hari setahun, secara purata 365/12 bulan akan dapat 30.5 hari sebulan	8 Nota: Kuantiti jam yang di perlukan bagi satu- satu syif dalam sehari (24 jam/3 syif)	
Syif 1: 7 pagi – 3 petang, 2 pengawal						Ya/Tidak
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 2	Hours	2	1	30.5	8	
Syif 2: 3 petang – 11 malam, 2 pengawal						Ya/Tidak
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 3	Hours	3	1	30.5	8	
Syif 3: 11 malam – 7 pagi, 3 pengawal						Ya/Tidak

Senario 2: Modul Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Kewangan)**Formula Pengiraan:**

Jumlah Harga Indikatif Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Indikatif Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Indikatif Seunit (RM)	Jumlah Harga Indikatif Item (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 1	Hours	2	1	30.5	8	8.00	$2 \times 1 \times 30.5 \times 8 \times 8.00 \times 24$ = 93,696.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 2	Hours	2	1	30.5	8	8.00	93,696.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 3	Hours	3	1	30.5	8	8.00	140,544.00
Jumlah Besar (RM)							327,936.00

Senario 2: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Tawaran Harga (Pembekal)**Formula Pengiraan:****Pembelian Terus:**

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh (Bulan)

Sebut Harga/Tender:

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Tawaran Seunit (RM)	Jumlah Harga Tawaran (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 1	Hours	2	1	30.5	8	9.00	$2 \times 1 \times 30.5 \times 8 \times 9.00 \times 24$ = 105,408.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 2	Hours	2	1	30.5	8	9.00	$2 \times 1 \times 30.5 \times 8 \times 9.00 \times 24$ = 105,408.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 3	Hours	3	1	30.5	8	9.00	$3 \times 1 \times 30.5 \times 8 \times 9.00 \times 24$ = 158,112.00
Jumlah Besar (RM)							368,928.00

Senario 2: Modul Pengurusan Kontrak

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 1	Hours	2 Nota: 2 pengawal Syif 1	1 Nota: 1 perkhidmatan (1 syif)	30.5 Nota: 24 jam sehari, 365 hari setahun, secara purata 365/12 bulan akan dapat 30.5 hari sebulan	8 Nota: Kuantiti jam yang diperlukan bagi satu-satu syif dalam sehari (24 jam/3 syif)	9.00 Nota: RM9.00/sejam bagi seorang pengawal
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 2	Hours	2	1	30.5	8	9.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 3	Hours	3	1	30.5	8	9.00

Senario 2: Modul Pemenuhan**Formula Pengiraan:**

Kuantiti Pesanan = Kekerapan per Unit Ukuran x Bilangan Unit Ukuran Sehari x Bilangan Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan) x Kuantiti

Amaun Pesanan = Harga Seunit x Kuantiti Pesanan

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Amaun Pesanan (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 1	Hours	9.00	2 x 1 x 31 (Contoh 31 hari bagi bulan Januari) x 8 = 496 jam perkhidmatan sebulan Nota: Bil. Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan)	9.00 x 496 = 4,464.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 2	Hours	9.00	= 496 jam perkhidmatan sebulan	9.00 x 496 = 4,464.00
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Syif 3	Hours	9.00	= 744 jam perkhidmatan sebulan	9.00 x 744 = 6,696.00
Amaun Keseluruhan (RM)				15,624.00

Senario 3: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Teknikal)

Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata 3 Syif dengan bilangan pengawal berbeza mengikut syif –
(senario 24 jam/sehari, 7 hari/seminggu, 365 hari/tahun, 3 syif - 8 jam/syif, 2 pengawal syif pagi dan petang, 3 pengawal syif malam)

Jenis Item/Templat: Perkhidmatan

Jenis Pemenuhan: Bermasa (Berjadual)

Tempoh Kontrak/Penyiapan (Bulan): 24 / Tempoh (Bulan) - Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga) : 24

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	7 Nota: 7 pengawal diperlukan dalam tempoh 24 jam	1 Nota: 1 syif bersamaan dengan 8 jam	30.5 Nota: 24 jam sehari, 365 hari setahun, secara purata 365/12 bulan akan dapat 30.5 hari sebulan	8 Nota: 8 jam sehari bagi setiap pengawal	
Syif 1: 7 pagi – 3 petang, 2 pengawal Syif 2: 3 petang – 11 malam, 2 pengawal Syif 3: 11 malam – 7 pagi, 3 pengawal						Ya/Tidak

Senario 3: Modul Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Kewangan)**Formula Pengiraan:**

Jumlah Harga Indikatif Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Indikatif Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Indikatif Seunit (RM)	Jumlah Harga Indikatif Item (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	7	1	30.5	8	8.00	$7 \times 1 \times 30.5 \times 8 \times 8.00 \times 24$ = 327,936.00
Jumlah Besar (RM)							327,936.00

Senario 3: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Tawaran Harga (Pembekal)**Formula Pengiraan:****Pembelian Terus:**

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh (Bulan)

Sebut Harga/Tender:

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Tawaran Seunit (RM)	Jumlah Harga Tawaran (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata	Hours	7	1	30.5	8	8.50	$7 \times 1 \times 30.5 \times 8 \times 8.50 \times 24$ = 348,432.00
Jumlah Besar (RM)							348,432.00

Senario 3: Modul Pengurusan Kontrak

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Nota: Syif 1: 7 pagi – 3 petang, 2 pengawal Syif 2: 3 petang – 11 malam, 2 pengawal Syif 3: 11 malam – 7 pagi, 3 pengawal	Hours	7 Nota: 7 pengawal bagi 3 syif	1 Nota: 1 perkhidmatan	30.5 Nota: 24 jam sehari, 365 hari setahun, secara purata 365/12 bulan akan dapat 30.5 hari sebulan	8 Nota: Kuantiti jam yang diperlukan bagi satu-satu syif dalam sehari (24 jam/3 syif)	8.50 Nota: RM8.50/sejam bagi seorang pengawal

Senario 3: Modul Pemenuhan**Formula Pengiraan:**

Kuantiti Pesanan = Kekerapan per Unit Ukuran x Bilangan Unit Ukuran Sehari x Bilangan Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan) x Kuantiti

Amaun Pesanan = Harga Seunit x Kuantiti Pesanan

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Amaun Pesanan (RM)
Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Nota: Syif 1: 7 pagi – 3 petang, 2 pengawal Syif 2: 3 petang – 11 malam, 2 pengawal Syif 3: 11 malam – 7 pagi, 3 pengawal	Hours	8.50	7 x 1 x 31 (Contoh 31 hari bagi bulan Januari) x 8 = 1,736 jam perkhidmatan sebulan Nota: Bil. Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan)	8.50 x 1,736 = 14,756.00
Amaun Keseluruhan (RM)				14,756.00

Senario 4: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Teknikal)

Kawalan Keselamatan Dengan Senjata. Contoh Kaunter Bayaran - Pengawal
(senario hari bekerja, 261 hari/tahun, 1 syif - 9 jam/syif, 1 pengawal setiap masa/jam)

Jenis Item/Templat: Perkhidmatan

Jenis Pemenuhan: Bermasa (Berjadual)

Tempoh Kontrak/Penyiapan (Bulan): 24 / Tempoh (Bulan) - Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga) : 24

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Kawalan Keselamatan Dengan Senjata	Hours	1 Nota: 1 pengawal setiap hari	1 Nota: 1 perkhidmatan (1 syif)	22 Nota: setahun 52 minggu, hari tidak bekerja (Sabtu dan Ahad) dalam setahun 104 (52 minggu x 2 hari), (365 - 104)/12 akan dapat 21.75	9 Nota: Kuantiti jam yang diperlukan bagi pengawal berada di kaunter bayaran	
8 pagi – 5 petang, 1 pengawal Hari bekerja sahaja (Isnin - Jumaat)						Ya/Tidak

Senario 4: Modul Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Kewangan)**Formula Pengiraan:**

Jumlah Harga Indikatif Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Indikatif Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Indikatif Seunit (RM)	Jumlah Harga Indikatif Item (RM)
Kawalan Keselamatan Dengan Senjata	Hours	1	1	22	9	12.00	$1 \times 1 \times 22 \times 9 \times 12.00 \times 24 = 57,024.00$
Jumlah Besar (RM)							57,024.00

Senario 4: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Tawaran Harga (Pembekal)**Formula Pengiraan:****Pembelian Terus:**

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh (Bulan)

Sebut Harga/Tender:

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Tawaran Seunit (RM)	Jumlah Harga Tawaran (RM)
Kawalan Keselamatan Dengan Senjata	Hours	1	1	22	9	13.00	$1 \times 1 \times 22 \times 9 \times 13.00 \times 24 = 61,776.00$
Jumlah Besar (RM)							61,776.00

Senario 4: Modul Pengurusan Kontrak

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)
Kawalan Keselamatan Dengan Senjata Nota: Tempoh Perkhidmatan: 8 pagi – 5 petang, 1 pengawal Hari bekerja sahaja (Isnin - Jumaat)	<i>Hours</i>	1 Nota: 1 pengawal setiap hari	1 Nota: 1 perkhidmatan (1 syif)	22 Nota: setahun 52 minggu, bilangan hari tidak bekerja (Sabtu dan Ahad) dalam setahun 104 (52 minggu x 2 hari), (365 - 104)/12 akan dapat 21.75	9 Nota: Kuantiti jam yang diperlukan bagi pengawal berada di kaunter bayaran	13.00

Senario 4: Modul Pemenuhan**Formula Pengiraan:**

Kuantiti Pesanan = Kekerapan per Unit Ukuran x Bilangan Unit Ukuran Sehari x Bilangan Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan) x Kuantiti

Amaun Pesanan = Harga Seunit x Kuantiti Pesanan

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Pesanan	Amaun Pesanan (RM)
Kawalan Keselamatan Dengan Senjata Nota: Tempoh Perkhidmatan: 8 pagi – 5 petang, 1 pengawal Hari bekerja sahaja (Isnin - Jumaat)	<i>Hours</i>	13.00	1 x 1 x 22 (Contoh 22 hari bagi bulan Januari) x 9 = 198 jam perkhidmatan sebulan Nota: Bil. Unit Ukuran Sebulan (Bilangan hari sebenar dalam sebulan)	13.00 x 198 jam = 2,574.00
Amaun Keseluruhan (RM)				2,574.00

(iii) Perolehan Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin dan Bacaan Meter**Senario 1: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Teknikal)**

Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin – Sewaan setiap hari bagi setiap bulan secara berterusan sepanjang tempoh kontrak

Bacaan Meter – Caj salinan setiap hari bagi setiap bulan secara berterusan sepanjang tempoh kontrak

Jenis Item/Templat: Perkhidmatan

Jenis Pemenuhan: Bermasa (Berjadual)

Tempoh Kontrak/Penyiapan (Bulan): 24 / Tempoh (Bulan) - Pembelian Terus (Pelawaan Tawaran Harga) : 24

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Hitam Putih	Month	10 Nota: Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa			1 Nota: 1 Perkhidmatan sewaan sebulan	
*Spesifikasi ditentukan oleh Kementerian/PTJ						*Jenis Maklum Balas ditentukan oleh Kementerian/PTJ
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Berwarna	Month	1 Nota: Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa			1 Nota: 1 Perkhidmatan sewaan sebulan	

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Jenis Maklum Balas
Caj Salinan Hitam Putih	<i>Pieces</i>	11 Nota: Bilangan mesin penyalin yang disewa untuk cetakan hitam putih adalah 10 mesin penyalin hitam putih dan 1 mesin penyalin berwarna untuk cetakan hitam putih			2,000 Nota: 2,000 salinan bagi satu mesin penyalin sebulan	
Caj Salinan Berwarna	<i>Pieces</i>	1 Nota: Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa			500 Nota: 500 salinan bagi satu mesin penyalin sebulan. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa ialah 1	

Nota:**1. Kekerapan/Unit Ukuran:**

Sewaan Mesin Penyalin: Bilangan mesin penyalin yang disewa bagi tempoh satu bulan

Caj Salinan: Bilangan mesin penyalin yang disewa bagi tempoh satu bulan

2. Bil. Unit Ukuran Sehari: Tidak Berkenaan**3. Bil. Unit Ukuran Sebulan:** Tidak Berkenaan**4. Kuantiti:**

Sewaan Mesin Penyalin: Satu perkhidmatan sewaan sebulan ditetapkan bagi Kuantiti untuk Jenis Pemenuhan Bermasa (Berjadual)

Caj Salinan: Anggaran kuantiti salinan sebulan bagi satu mesin penyalin

Senario 1: Modul Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Item dan Spesifikasi (Kewangan)
Formula Pengiraan:
Jumlah Harga Indikatif Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Kuantiti x Harga Indikatif Seunit (Bulan) x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Indikatif Seunit (RM)	Jumlah Harga Indikatif Item (RM)
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Hitam Putih (Sewaan setiap hari bagi setiap bulan secara berterusan sepanjang tempoh kontrak. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 10)	Month	10			1	250.00	10 x 1 x 250.00 x 24 = 60,000.00
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Berwarna (Sewaan setiap hari bagi setiap bulan secara berterusan sepanjang tempoh kontrak. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 1)	Month	1			1	400.00	9,600.00
Caj Salinan Hitam Putih (2,000 salinan bagi satu mesin penyalin sebulan. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 11)	Pieces	11			2,000	0.04	21,120.00
Caj Salinan Berwarna (500 salinan bagi satu mesin penyalin sebulan. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 1)	Pieces	1			500	0.40	4,800.00
Jumlah Besar (RM)							95,520.00

Senario 1: Modul Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender - Proses Penyediaan Tawaran Harga (Pembekal)**Formula Pengiraan:****Pembelian Terus:**

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh (Bulan)

Sebut Harga/Tender:

Jumlah Harga Tawaran Item = Kekerapan per Unit Ukuran x Bil. Unit Ukuran Sehari x Bil. Unit Ukuran Sebulan x Kuantiti x Harga Tawaran Seunit x Tempoh Kontrak (Bulan)

Item/Spesifikasi	Unit Ukuran	Kekerapan/ Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Harga Tawaran Seunit (RM)	Jumlah Harga Tawaran (RM)
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Hitam Putih (Sewaan setiap hari bagi setiap bulan secara berterusan sepanjang tempoh kontrak. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 10)	Month	10			1	240.00	$10 \times 1 \times 240.00 \times 24 = 57,600.00$
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Berwarna (Sewaan setiap hari bagi setiap bulan secara berterusan sepanjang tempoh kontrak. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 1)	Month	1			1	380.00	9,120.00
Caj Salinan Hitam Putih (2,000 salinan bagi satu mesin penyalin sebulan. Bilangan mesin penyalin yang hendak disewa: 11)	Pieces	11			2,000	0.04	21,120.00
